

Apa itu Liberal dan apa itu Liberalisme?

Al-Mustaqeem Mahmud Radhi (Pegawai Eksekutif, Middle-Eastern Graduates Centre)

Ogos 11, 2006

Sebelum kita mulakan saya ingin bertanya ada sesiapa yang pernah mendengar perkataan 'liberal', angkat tangan. (Seorang peserta menjawab : liberal adalah faham yang mementingkan kebebasan.). Perkataan 'liberal' itu memang bermaksud bebas, berasal daripada perkataan Latin yang bermaksud bebas tapi soalnya bagaimana liberalisme boleh lahir, maknanya liberalisme sebagai faham kebebasan boleh lahir dan apa yang terkandung dalam liberalisme, maknanya fahaman liberalisme itu membawa apa.

Sebelum kita masuk ke liberalisme, kita kena tengok latar belakang sejarah. Sebelum kurun ke-18, kerajaan dalam dunia ini, berbentuk empire monarchy, jadi aturan politiknya bersifat empayar, maknanya perluasan kuasa, perang dan ditentukan dengan senjata, dengan peperangan dan bentuk kerajaan itu pula berkembang bermula dari individu. Daripada raja yang menggunakan apa saja yang dianggapnya perlu untuk meluaskan empayar. Jadi kita tengok ada kes di mana ada raja yang menggunakan agama. ataupun dalam tradisi kristian, raja yang menggunakan gereja untuk menguatkan kerajaan. Dalam situasi ataupun dalam bentuk kerajaan dunia yang sebegini banyak kekacauan yang berlaku, perang berlaku sebelum kurun ke-18, dan kebanyakannya juga bersifat keagamaan maknanya ada pertelingkahan atau pertelingkahan antara mazhab dan ada pertelingkahan antara agama.

Jadi dari satu segi kalau kita katakan perluasan empayar Islam sebagai contoh, sebahagian pihak menafikan ianya berlaku dengan mata pedang. Tetapi realitinya atau faktanya memang Islam itu berkembang dengan sebahagian faktornya adalah peperangan, perluasan empayar. Cumanya sebab kita cuba untuk memahami sejarah pra kurun ke-18, aturan main politik yang absah, yang legitimate adalah peperangan ia bukanlah sepenuhnya negatif, maknanya kita tak boleh guna katakana hari ini berperang itu negatif. Itu dulu sah tetapi sekarang aturan mainnya diplomasi, ekonomi ataupun hal-hal yang lain.

Salah satu faktor penting termasuk di awal-awal abad Islam untuk mengukuhkan kerajaan adalah agama dan kaum. Kalau katakan sejarah Arab itu, ketua kerajaan samaada khalifah atau sebelum khalifah, raja akan cuba sedapat mungkin untuk mendapatkan sokongan ketua-ketua kabilah dan selepas kedatangan Islam, selepas kewafatan nabi agama juga memainkan peranan yang penting. Cuma sebelum kedatangan Islam konsep kaum itu agak kecil dan lokal sifatnya dan sekarang ini Islam itu beyond kaum dan bangsa.

Ada elemen lain yang menyatukan kerajaan itu. Tapi dua benda yang penting yang perlu dilihat untuk membahagikan kenapa liberalisme bangkit ataupun kenapa liberalisme muncul adalah hubungan negara dengan agama ataupun hubungan negara dengan gereja. Dikatakan Islam tidak mempunyai pengalaman ini kerana Islam tidak ada gereja dan paderi. Itu kalau kita mengambil paderi dan gereja itu sebagai satu form, bentuk atau nama tapi kuasa paderi dan gereja, pengaruh paderi dan gereja, pengalaman yang

sama juga dialami oleh Islam maknanya kalau Kristian itu ada paderi maknanya Islam itu ada imam dan ulamak. Ia tidak ada hierarki macam bishop, archbishop dan sebagainya tetapi masih begitu kalau Syiah itu dia ada ayatullah, hujatullah dan sebagainya. Di waktu itu adalah penting seorang raja untuk menguasai agama samaada dia menguasai sendiri ilmu agama itu ataupun dia menguasai ulama untuk kepentingan politik dia, ajaran agama itu akan dimodifikasi mengikut keperluan.

Kita tengok banyak kitab-kitab, dalam soal ini kita mengambil pengalaman Islam, banyak mazhab dan pandangan satu dengan lain agak ketara pertentangannya, sebahagiannya dibentuk oleh politik. Ahkam as-sulataniyyah, al-Mawardi sebagai contoh, ada beberapa benda yang sebenarnya bertentangan dengan semangat dan prinsip al-Quran tapi diharuskan sebab dia ada service dia kepada khalifah pada ketika itu. Jadi dalam tradisi kristian juga begitu, kerajaan atau raja tunduk kepada gereja dan menguasai paderi dan timbalbaliknya apa, paderi juga ada kepentingannya maknanya kalau hendak masuk syurga perlu bayar duit untuk cuci dosa. Jadi survival individu seorang paderi atau ulama itu ia bergantung pada sejauh mana mereka dapat mengekalkan pengaruhnya dalam masyarakat, jadi fatwa dan pandangan agama-tidak semua- tapi banyak yang berubah.

Dan kerajaan mengambil kesempatan daripada fleksibiliti itu, jadi daripada situlah dengan memuncaknya perperangan dan pergaduhan yang disebabkan agama yang banyak disebabkan oleh faham buta tuli ataupun dalam tradisi muslim disebut taqlid buta tuli terhadap apa saja yang paderi atau ulama katakan dan juga apa yang raja katakan. Jadi daripada latar sebegitu, manusia tidak belajar dan mendalami ilmu ikut secara membuta tuli. Daripada suasana itu lah bermula gerakan humanisme yang melahirkan renaissance yang kemudiannya abad pencerahan. Pencerahan yang melahirkan liberalisme. Apa itu pencerahan? Di awal gerakan atau proses pencerahan, diajukan soal what is enlightenment? Was ich aufklarung? Jadi salah seorang tokoh yang paling berpengaruh dalam gerakan pencerahan, Immanuel Kant menjelaskan dalam esainya yang agak pendek, ada dua hal yang penting iaitu pencerahan adalah keberanian manusia untuk keluar daripada kejahilan yang diciptanya sendiri maknanya dia jahil itu bukan sebab naturenya dilahirkan sebagai seorang yang jahil tapi dengan sebab dia membiarkan dirinya jahil dengan tidak bertanya dan sebagainya, tidak belajar, semua mengikut kuliah paderi dan ulama dari situ tidak ada budaya bertanya. Jadi selepas itu Immanuel Kant menjelaskan salah satu cara untuk keluar dari zaman gelap ialah dengan cara bertanya dan diajukan slogan sapere aude, berani untuk tahu. Daripada situ manusia keluar dari zaman gelap dengan bertanya soalan-soalan yang berkaitan dengan agama, politik, budaya dan sebagainya.

Jadi hasil daripada aktiviti inquiry, maknanya bagi orang awam itu ialah bertanya, kalau attend kelas kuliah bertanya. Bagi individu yang agak kuat dia punya keinginan untuk mengkaji dia akan melakukan kajian, menulis buku, esei dan sebagainya. Daripada aktiviti inquiry itu, pertanyaan, penyelidikan dan pengkajian lahirlah beberapa idea dan daripada pencerahan juga, bentuk kerajaan yang empayar itu berubah menjadi nation state setelah banyak penyelidikan, pengkajian, discourse dan wacana maka wujud lah nation state. Daripada empayar jadi nation state yang bermaksud negara bangsa. Bukanlah bermaksud dalam pengertian yang sempit seperti bangsa seperti melayu, bugis atau jawa. Tetapi masyarakat yang berbeza budaya dan bangsa berkongsi satu bahasa dan budaya membentuk satu negara.

Daripada situlah terpecah negara-negara yang kecil kalau dulu empayar sovereignty atau kedaulatan, siapa kalah perang hilang daulat, tapi kalau nation state kedaulatan itu menjadi benda yang penting yang dipertahankan maknanya negara kecil kita mempertahankan kedaulatan kita dalam lingkungan negara kita yang kecil. Dan selepas itu zaman diplomasi bukan lagi zaman perang, masih berlaku perang seperti perang dunia dan sebagainya tapi berlaku antara nation. Dan daripada pencerahan itu jugalah lahir liberalisme, maknanya tadi empayar, ketua kerajaan atau khalifah yang menguruskan empayarnya, pada siapa dia hendak berikan tanah, daripada siapa yang dia hendak rampas tanah, siapa yang berhak dapat jawatan dan sebagainya itu seorang manusia yang tentukan. Jadi pemikir waktu itu melihat banyak masalah yang timbul lahir dari praktis yang sebegitu.

Jadi apa penyelesaiannya, lalu dirumuskan liberalisme maknanya manusia mula bebas dari raja bahkan kerajaan dalam bentuk nation state. Maknanya raja tidak lagi berhak merampas tanah sesiapa tanpa sebab kecuali kalau tidak membayar cukai kena minta. Jadi itu ideal awal, sebab ia adalah soal hak manusia, hak individu tinggal di satu kawasan, mengusahakan satu ladang dan dia berhak ke atas ladang itu dan kerajaan atau raja tidak berhak untuk merampas tanamannya. Liberalisme itu sendiri soal property, soal hak milik dan kebebasan individu. Jadi kebebasan individu yang dikatakan bertentangan dengan Islam itu asalnya penekanannya dari sudut itu bahawa setiap individu bebas untuk melakukan aktiviti ekonomi, bebas untuk memiliki harta, bebas untuk mengumpulkan kekayaan tanpa diganggu atau dirampas oleh kerajaan.

Jadi itu idea-idea awalnya, jadi dengan timbulnya liberalisme itu ia membebaskan dirinya dari ikatan otoritarian dan sistem sebegitu. Baik, apa itu liberalisme? Pertama tadi disebutkan kebebasan individu, dalam konteks ekonomi, dalam konteks budaya dan sosial kemudian kebebasan individu juga ditekankan sebab apa ini penting, pertama untuk membebaskan manusia daripada taqlid. Yang kedua untuk memberi hak kepada individu itu menjalankan aktiviti yang disukainya iaitu mengembangkan dirinya sendiri sebab apa kebebasan individu penting, sebabnya sebagai contoh Muhd Zain ada stylenya sendiri, dia suka pakai baju hijau, kalau pengetua esok mengatakan baju hijau diharamkan nanti dia kuliah tak senang, itu yang basic. Kemudian selepas belajar Muhd Zain ingin menjadi pedagang bukannya menjadi imam, tetapi kalau kerajaan ataupun kepala negara tentukan, Muhd Zain keluar dari Intis kena jadi imam, tidak kah kacau, maknanya naturenya tidak dapat menerima benda yang ditentukan. Masalahnya adalah kebebasan individu itu dilanggar bukan sekadar hal-hal yang sepele dan remeh temeh, bukan hanya soal pakai baju atau seluar apa, ada contoh kerajaan seperti Nazi misalnya soal pekerjaan telah ditentukan begini dan begini kepada si A dan B dengan gaji sebanyak ini, faedah perubatan yang sebanyak ini, sedangkan setiap manusia berlainan dan ada kehendak yang berbeza jadi dengan sebab itulah kebebasan individu ditekankan di dalam liberalisme.

Maknanya soal kebebasan individu untuk ke pub, disko, minum arak, main judi itu merupakan hal-hal yang sampingan yang tidak berada di dalam mainstream pemikiran liberalisme. Kemudian soal ketaksamaan itu juga ditekankan oleh liberalisme, ini foundation asas liberalisme, kemudian demokrasi, liberalisme di awal-awal abad menekankan soal demokrasi dengan sebab perbezaan agama dan budaya dan satu lagi asas liberalisme yang penting adalah kerajaan kuasanya mesti terbatas berbanding

empayar yang raja mempunyai kuasa mutlak, dalam faham liberalisme dalam sebuah nation state kerajaan kuasanya mesti terbatas, dalam beberapa hal sahaja misalnya soal keselamatan, polis dan tentera itu bidang kuasa kerajaan.

Mahkamah perlu diadakan oleh kerajaan, keselamatan dan keadilan itu peranan kerajaan selain dari itu untuk membangunkan negara, memajukan kawasan Setapak dan Gombak itu bukan tugas kerajaan ini dalam faham liberalisme. Sebabnya banyak, pertama sekali ia adalah teori ekonomi politik, kebanyakan pemikir liberalisme adalah ahli ekonomi, jadi sebab dia limit atau bataskan peranan kerajaan sebab dia percaya sebuah daerah atau negara akan lebih maju dan cepat berkembang sekiranya aktiviti ekonomi dibiarkan bebas. Tidak ditentukan atau dipimpin oleh kerajaan.

Tentulah berasaskan pada teori-teori tertentu. Sebagai contoh, sebab apa percaya bahawa institusi ekonomi yang bebas itu lebih adil, pertama sebab pasaran yang merupakan satu pilihanraya setiap jam dan minit. Contohnya A dan B jual nasi lemak, siapa yang menentuka A dan B boleh jual atau tidak? Yang menentukannya adalah pasar, peti undinya adalah pasar. Jika nasi lemak A tidak sedap dia akan kehilangan undi. Keadilannya terletak di sini. Kalau kita lihat di Malaysia, contohnya syarikat MAS dari KL ke Kedah lebih kurang RM100 selepas dibebaskan Air Asia masuk ke dalam persaingan dan menawarkan tambang yang lebih murah. Satu lagi contoh, syarikat telekomunikasi, sebelum Celcom dan Maxis yang ada hanya Telekom, kemudian sekarang ini persaingan banyak, dan di mana-mana di dunia ini kos telekomunikasi hampir kepada sifar.

Liberalisme kepeduliannya ialah ekonomi. Von Mises, bila liberalisme dipertikaikan kerana berbicara soal duniawi bukan soal spiritual, beliau menjawab siapa yang hendak zuhud dan beribadat di dalam negara liberal ialah bebas, namun hakikatnya semua manusia tidak sanggup untuk hidup begitu. Untuk orang yang peduli tentang ekonomi dan keduniaan liberalisme sebagai faham ekonomi politik menawarkan kaedah dan aturan main untuk mengatur kehidupan bernegara. Soal agama tidak masuk dalam soal ini, individu yang tentukan. Kritik terhadap kapitalisme yang lain ialah soal ketamakan, untung yang besar ada perkiraan yang tertentu. Yang mudahnya soal ketamakan merupakan soal moral dan spiritual yang tidak ada kena mengena dengan sistem ekonomi, terpulang kepada soal individu.

Agama mungkin memainkan peranan ini. Kerajaan tidak berhak untuk menghalang misalnya Serina menjual sekotak tisu RM50, Serina lebih tahu tentang perniagaannya kita mungkin kata mahal tetapi dalam keadaan ekonomi bebas dia akan dihukum, sebab esok Yasmin esok akan jual sekotak tisu RM10, Serina akan gulung tikar selepas itu. Kerajaan tak perlu masuk campur. Peranan pasar bukan peranan kerajaan. Dalam liberalisme kerajaan yang terbatas, orang ramai yang menentukan dengan kuasa pasaran. Misalnya kes nasi dagang di Terengganu, misalnya kerajaan menentukan harga nasi itu.

Soal demokrasi, ada demokrasi yang berjaya dan ada demokrasi yang tidak berjaya. Salah satu sebabnya ialah demokrasi yang tidak berjaya ini ialah demokrasi yang tidak bebas, demokrasi tidak liberal. Liberalisme ini ada kaitan dengan berjaya atau tidak sesebuah demokrasi itu. Sebagai contoh, soal liberalisme dan ideologi lawannya. Ideologi negara ialah berkenaan dengan ekonomi politik, cuma ada dua, samaada liberal

atau sosialis, liberalisme ataupun sosialisme, tadi kita jelaskan liberalisme itu peranan kerajaan yang terbatas, aturan main ekonomi pasar yang ditentukan.

Sosialisme berbeza, Malaysia di mana kita hendak letak, Malaysia di tengah kiri-kanan, kiri itu fahaman sosialisme dan kanan itu liberalisme. Komunisme semuanya anak pinak sosialisme, Dasar Ekonomi Baru yang melindungi bumiputera, penubuhan syarikat-syarikat GLC ataupun syarikat-syarikat di bawah kerajaan, elektrik dan air di bawah kerajaan ini semua ciri-ciri negara kiri. Walaupun mungkin kita boleh katakan sebagai sebuah negara sosial demokrat, sosialis biasanya dikatakan tidak demokratik, di mana kerajaan berperanan untuk menolong orang miskin, untuk memajukan ekonomi negeri.

Baik, pengalaman Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sosial demokrasi, pertama DEB, selepas berpuluh tahun tidak berjaya, syarikat-syarikat milik kerajaan akhirnya diswastakan. Protectionisme salah satu ciri dalam sosialisme maknanya perlindungan terhadap hak, tidak kira hak bumiputera atau agama atau apa sekalipun tidak berhasil maknanya Melayu di Malaysia masih ketinggalan. Cara protectionisme ini tidak berhasil, bila kerajaan membantu Melayu jadi lembab. Pengalaman saya sewaktu menjadi editor sebuah majalah dulu, saya memperhatikan dua bidang teater, pertama teater inggeris kedua teater Melayu. Teater Melayu sepanjang-panjang sejarah dapat bantuan kerajaan akhirnya sampai hari ini nak buat satu teater pun tidak mampu kalau kerajaan tidak bagi duit, paling kurang pun perlu bantuan dari agensi kerajaan. Seperti juga bidang lukisan, kalau dulu kerana Anwar Ibrahim minat lukisan maka ramailah orang kerajaan yang beli lukisan. Berbeza dengan teater inggeris yang tidak mendapat bantuan kerajaan lebih mandiri untuk mendapatkan dana dari syarikat-syarikat korporat bukannya dari badan kerajaan. Ada satu persoalan yang timbul, bagaimana dengan nasib orang miskin kalau kerajaan tidak membantu?

Dalam soal liberalisme, wacana tidak pernah terlepas dari soal moral. Ada yang menulis tentang soal ethics protestants dan sebagainya. Soal moral ini akhirnya individu yang tentukan, masalah orang miskin kalau kerajaan tidak tolong dalam sebuah negara yang liberal, syarikat swasta walaubagaimanapun harus mengeluarkan cukai dan seorang tokoh korporat yang prihatin dan peduli juga akan membantu orang miskin, jadi kalau tengok hari ini ada pelbagai tabung bantuan, gempa bumi dan sebagainya, itu macam mana soal orang miskin ditangani dengan cara sukarela dan hasilnya kita kata lebih cantik. Tidak perlu menjadi seperti Robin Hood yang merompak harta orang kaya untuk diberikan kepada orang miskin. Sosialisme ini ibarat Robin Hood.

Kita boleh salah faham katakan bila Saidina Abu Bakr atau Saidina Omar yang berkata 'Aku tak akan diam selagi aku tidak mengambil harta orang kaya untuk diberi kepada orang miskin'. Zakat dalam Islam bukanlah bermaksud merampas harta orang kaya untuk diberi kepada orang miskin sebab zakat dalam Islam adalah tanggungjawab individu, kita bertanggungjawab untuk zakat, kerajaan minta atau tidak minta kita perlu bayar kalau kita mampu, kita yang tentukan kepada siapa yang kita hendak bagi.

Maknanya bukan rampas berbanding dengan sosialisme sebagai lawan kepada liberalisme dan di Perancis cukainya boleh mencapai 40% daripada gaji bulanan, untuk sistem sosialisme, kerajaan yang besar untuk berjaya haruslah mempunyai cukai yang tinggi, kalau gaji kita RM5000, 40 peratus digunakan untuk membayar cukai, tetapi

kalau liberalisme cukai mesti yang paling rendah untuk bayar gaji polis dan tentera dan hal-hal lain yang boleh kerajaan mainkan peranan.

Tetapi cukainya mesti rendah. Jadi soal duit gaji dan upah yang lebih itu, kita yang tentukan di mana kita nak invest, business apa yang kita nak buat, di mana kita nak menabung, kita yang tentukan, bukan kerajaan buat KWSP dan terpaksa kita masukkan duit, jangan-jangan kalau kita masukkan dalam saham mungkin kita lebih untung. Kalau KWSP selepas 30 tahun dapat RM100,000 kalau saham mungkin dapat RM200,000. yer la, kalau kita salah melabur mungkin kita jatuh miskin.

Jadi tanggungjawab individu, itu yang ditekankan maknanya kalau kita nak melabur kita kaji la dulu dan kalau kita salah kita akan rugi. Sepatutnya soalan sebegitu tidak perlu untuk ditanyakan, soal adakah liberalisme sesuai dengan agama atau sosialisme lebih sesuai dengan agama, mana satu yang lebih halal, sosialisme atau liberalisme, sepatutnya benda ini tak ditanyakan. Tapi kalau katakan perlu untuk menjawab, hujah-hujah agama untuk menyokong liberalisme. Pertama dalam soal kebebasan dikatakan bertentangan dengan agama, mengikut faham saya sebagai penuntut dalam bidang agama maknanya sebagai student seumur hidup, Islam itu adalah penghambaan, Islam maksudnya submission, status seorang muslim yang paling tinggi adalah seorang hamba, dan penghambaan terhadap Tuhan sama dengan kebebasan dari makhluk. Yang paling mendalam tentang soal ini ialah dalam tasawwuf dan sufisme. Kita menghambakan diri kepada Tuhan dan kita membebaskan diri dari manusia. Bahkan seorang manusia harus mengikut tasawwuf dan sufisme membebaskan diri tubuh badan dia sendiri, maknanya untuk mencapai ilmu laduni atau sebagainya, dia tidak lagi bergantung pada tubuh badannya. dia tidak makan dan minum dan berpuasa sepepanjang tahun sebab badannya tidak menentukan keselamatan ataupun kesejahteraan ruhnya.

Jadi Islam itu pada intinya datang untuk membebaskan manusia daripada menjadi hamba kepada manusia dalam masyarakat Arab contohnya, bila Islam datang ia membebaskan secara mutlak ikatan daripada manusia bahkan juga makhluk itu termasuk juga dunia. Untuk kita katakan kebebasan itu bertentangan dengan Islam setakat yang saya faham adalah langsung bertentangan Islam bahkan inti agama. Bila kita percaya bahawa kita bertanggungjawab sepenuhnya kepada Tuhan maknanya equal to kebebasan dari makhluk. jadi itu basic jika kita hendak bentangkan liberalisme dengan agama terutamanya Islam, ada beberapa kes katakan bila bagi kebebasan salah guna, tapi dalam pengalaman sejarah itu tidak boleh dinafikan sebab lagi dinafikan lagi kacau jadinya.

Jadi kebebasan kalau kita bagi dia salah guna, dia lukis kartun Nabi misalnya kita bagi lagi kebebasan, tambah lagi sebab dengan kebebasan yang meluas sebegitu akhirnya dia tidak akan mampu untuk lukis kartun nabi, sebab apa? Akhbar lain juga bebas untuk mengkritik apa yang dia buat, majalah lain juga bebas untuk mengkritik dan pembeli bebas untuk tidak membeli akhbar itu. Maknanya hukum ke atas akhbar Jyllands-posten tak perlu kerajaan yang jatuhkan, rakyat yang boleh jatuhkan. Kita ingat dulu semasa Reformasi, apa yang terjadi kepada akhbar-akhbar arus perdana, kena boikot, Harakah boleh beli bangunan banyak, PAS dapat keuntungan sebab Harakah untung. Jadi ini merupakan hukum pasaran. Kebebasan boleh berjaya dan tentulah individu perlu kuat dia punya spiritualnya, pegangan agama dan moralnya. Soal kecil seperti pakai kopiah

tak itu bukan tetapi soal moral besar misalnya jangan rasuah. Dengan adanya individu begitu bahkan agama juga boleh tumbuh subur. Jika ada suasana yang bebas. Ada seorang pemikir yang kata, 'iman ini ibarat bunga yang tumbuh liar dan bebas di hutan lebih cantik dari pokok bunga kita tanam di depan rumah.

Liberalisme sebenarnya tidak cukup untuk dibincangkan dalam masa satu jam. Kita belum masuk soal perincian yang ada di dalam ini yang dinamakan sebagai liberalisme, libertarianisme, libertanisme dan sebagainya. Liberal di Amerika misalnya tidak sama dengan liberal di Perancis. Liberal di Amerika seperti sosialis sikit. Saranan saya, ada beberapa nama yang harus dilihat seperti John Locke, F.A. Hayek, Bastiat, von Mises, Karl Popper dan sebagainya. Untuk bacaan awal boleh diperolehi di web site jalantelawi.com. pertama tulisan, Popper dan Bastiat. Tulisan Bastiat ada dua buah yang agak menarik seperti cerita pendek, satu tentang sebatang pensel menunjukkan bagaimana perancangan untuk membuat sebatang pensel. Jika kerajaan terlibat untuk membuat pensel tanggungjawab itu memerlukan kos yang tinggi berbanding dengan usaha sendiri. Tajuknya 'saya, pensel'.

Boleh untuk sebagai pemahaman awal. Tulisan popper agak panjang dan tidak selesai diterjemahkan. Satu lagi tajuknya 'Petisyen Pembuat Lilin' soal kita nak halang syarikat luar daripada masuk sebab nanti Proton rugi, kena letakkan cukai pada Honda jadi akhirnya terpaksa guna Proton yang tidak berkualiti. Ok lah kalau kita nak halang macam tu sebab negara kita ni negara pembuat lilin, kalau cahaya matahari masuk syarikat-syarikat bumiputera ini rugi jadi kita mesti wajibkan setiap rumah pasang cermin hitam lagi baik kalau kita buat payung di atas negara kita supaya cahaya matahari tak boleh masuk seupaya syarikat-syarikat bumiputera kita semakin maju. Jadi kiasan dia gunakan begitu untuk menerangkan tentang liberalisme.

Terima kasih.